

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 / 11 / 2010

Kemenangan di Galas, Batu Sapi tidak boleh jadi kayu pengukur - Dr. Mahathir

# Belum masanya pilihan raya umum

UM - 24 / 11 / 2010

Oleh: RADHUAN HUSSAIN  
utusanrerengganu@utusan.com.my

**KEMAMAN** 23 Nov. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat, belum tiba masanya bagi kerajaan Barisan Nasional (BN) mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Beliau berkata, dalam hal ini kerajaan tidak perlu tergesa-gesa sebaliknya perlu mengambil masa untuk terus mempersiapkan diri.

Menurutnya, berasaskan perkembangan semasa termasuk merujuk kepada kejayaan BN dalam dua pilihan raya kecil di Parlimen Batu Sapi dan Dewan Undangan Negeri Galas tidak boleh dijadikan kayu pengukur bagi kerajaan membuat keputusan itu.

Beliau memberitahu, kerajaan masih mempunyai banyak masa bagi membolehkan strategi diatur selain memberi peluang untuk mengukuhkan sokongan rakyat agar lebih ramai kembali menyertai BN.

"Kemenangan kita (BN) di sesuatu tempat tak boleh kita jadikan ukuran (sokongan). Faktor kemenangan BN

di kawasan itu adakah sama dengan kawasan lain?"

"Jadi saya fikir kepimpinan tahu tentang soal ini, mereka perlu buat kajian dan penentuan tarikh (pilihan raya umum)," katanya kepada pemberita selepas melawat Eastern Pasific Industrial Corporation (Epic) Berhad di Kemaman Supply Base di Teluk Kalong, di sini hari ini.

Mengulas desas-desus bahawa PRU-13 akan dilangsungkan serentak dengan Pilihan Raya Negeri Sarawak awal tahun depan, Dr. Mahathir berpendapat, kerajaan tidak perlu tergesa-gesa untuk mengadakannya.

Ini kerana jelasnya, kerajaan BN masih mempunyai banyak masa bagi membolehkan parti komponen mendapat sebanyak mungkin sokongan sebagai persediaan menghadapi PRU-13 nanti.

"Ada banyak masa lagi untuk parti-parti politik berusaha mendapat sokongan termasuk UMNO dan BN.

"Kalau saya jadi Perdana Menteri, saya tunggu dulu dan Sarawak tak ada pilihan, di sini (Semenanjung) ada pilihan," ujarnya.

Dalam pada itu, ketika diminta

mengulas mengenai desakan ahli-ahli Parlimen BN supaya kerajaan menegah Datuk Seri Anwar Ibrahim ke luar negara agar Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu tidak terus menghina Malaysia di luar negara, Dr. Mahathir berkata, ia tidak perlu.

"Tak perlulah kita halang dia (Anwar) ke luar negara. Saya tak fikir kita perlu takut pada dia. Kalau kita buat macam itu (halang) orang lagi marahkan kita dan bencikan kerajaan," ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, PKR perlu dibubarkan dan pengikut parti itu sewajarnya kembali menyertai UMNO berikutan kekalutan yang berlaku dalam parti itu.

Kata beliau, sudah tiba masa bagi semua pengikut parti berkenaan 'bertaubat' dan kembali ke pangkal jalan dengan menyertai UMNO yang merupakan sebuah parti besar Melayu.

Beliau memberitahu, dengan pembubaran PKR, orang Melayu serta umat Islam akan kembali bersatu teguh dalam sebuah parti untuk mendokong perjuangan sebenar, sekali gus menjadi penebus maruah bangsa.



DR. Mahathir Mohamad diiringi Ahmad Said bersalaman dengan orang ramai ketika hadir untuk menyampaikan ceramah perdana di Dewan Berlian, Majlis Perbandaran Kemaman, semalam. - UTUSAN/AZLAN BAHROM